

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI DAN RISIKO

SEKILAS INFO

EDISI 1 | BIL.84



SQRC New Year Gift Exchange & Farewell Luncheon 2025

Pada 3 Januari 2025, satu acara khas telah diadakan bertempat di Ras Indah Kafeteria bagi meraikan sambutan Tahun Baru & Jamuan Perpisahan Prof Madya Dr Lee Nung Kion yang telah tamat perkhidmatannya di SQRC Disember lalu. Acara SQRC New Year Gift Exchange & Farewell Luncheon bukan sahaja satu perayaan untuk menyambut tahun baru, tetapi juga merupakan acara tahunan untuk memperkuatkan lagi hubungan di kalangan ahli-ahli SQRC. Ia merupakan simbolik kepada nilai-nilai perpaduan, penghargaan, dan kerja berpasukan yang amat penting dalam mencapai kejayaan bersama.



Amanat Naib Canselor 2025 & Pelancaran UNIMAS Action Plan 2025

Pada 24 Januari 2025, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah mengadakan satu acara penting yang dihadiri oleh seluruh warga universiti, iaitu Amanat Naib Canselor 2025 dan Pelancaran UNIMAS Action Plan 2025. Pelancaran pelan ini disambut dengan penuh semangat oleh seluruh warga UNIMAS, kerana ia memberikan gambaran yang jelas dan terarah mengenai langkah-langkah yang akan diambil untuk membawa universiti ini ke arah yang lebih cemerlang. Naib Canselor turut menekankan pentingnya kerjasama dan komitmen daripada semua pihak dalam melaksanakan pelan tindakan ini. Beliau menyeru setiap warga UNIMAS, sama ada pelajar, staf akademik, atau pentadbiran, untuk bersatu hati dan bekerja bersama dalam merealisasikan visi besar yang telah digariskan.






Bengkel Siri 1/2025- Melestarikan Kewangan Universiti Awam Melalui Penetapan Dasar Penyasaran Subsidi Yuran Program Ijazah Sarjana Muda Saluran Perdana

Pada 20 hingga 21 Januari 2025, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menghantar dua orang wakil dari Pejabat Bendahari dan Pejabat SQRC untuk menghadiri Bengkel Siri 1/2025 Melestarikan Kewangan Universiti Awam Melalui Penetapan Dasar Penyasaran Subsidi Yuran Program Ijazah Sarjana Muda Saluran Perdana. Bengkel ini diadakan di Hotel Tenera, Bangi, Selangor, dan disertai oleh wakil-wakil dari pelbagai universiti awam di seluruh negara.

Sesi Perbincangan Penilaian Risiko untuk Pelan Tindakan UNIMAS 2025 bersama Datu Ik Pahon anak Joyik, Pengerusi JKPR

Pada 28 Januari 2025, satu sesi perbincangan penting telah diadakan di UNIMAS mengenai Penilaian Risiko untuk Pelan Tindakan UNIMAS 2025. Sesi ini diketuai oleh Datu Ik Pahon anak Joyik, Pengerusi JKPR UNIMAS. Perbincangan tersebut merangkumi pelbagai jenis risiko yang berpotensi berlaku, termasuk risiko operasi, kewangan, sumber manusia, dan teknologi. Risiko-risiko ini berkemungkinan memberi impak terhadap pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama dalam Pelan Tindakan UNIMAS 2025.




Proses Penajaran UNIMAS Action Plan 2025 dengan Halatuju KPT 2025 dan Amanat Premier Sarawak 2025


Dalam usaha untuk memacu kecemerlangan dan keberkesanan pendidikan tinggi, SQRC telah melaksanakan satu proses penajaran yang penting antara UNIMAS Action Plan 2025 dengan Halatuju Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2025 dan Amanat Premier Sarawak 2025. Penajaran ini adalah langkah strategik untuk memastikan semua inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh UNIMAS selaras dengan dasar-dasar utama negara dan negeri yang bertujuan untuk memperkuuh sistem pendidikan tinggi, memperkasa sumber manusia, dan meningkatkan daya saing global.

PROGRAM SQRC JAN 2025

Bil	Perkara	Tarikh
1.	SQRC New Year Gift Exchange & Farewell Luncheon 2025	3/1/2025
2.	Proses Penjajaran UNIMAS Action Plan 2025 dengan Halatuju KPT 2025 dan Amanat Premier Sarawak 2025	10/1/2025
3.	Bengkel Siri 1/2025- Melestarikan Kewangan Universiti Awam Melalui Penetapan Dasar Penyasaran Subsidi Yuran Program Ijazah Sarjana Muda Saluran Perdana	20 – 21/1/2025
4.	Sesi Perbincangan Berhubung Pelaksanaan & Pemantauan Pelan Tindakan UNIMAS 2025, Peranan & Tanggungjawab	21/1/2025
5.	Sesi Taklimat Bersama Pendaftar Berhubung Pelan Tindakan UNIMAS 2025	21/1/2025
6.	Risk Assessment Review Bersama Fakulti Alam Bina	21/1/2025
7.	Amanat Naib Canselor 2025 & Pelancaran UNIMAS Action Plan 2025	24/1/2025
8.	Sesi Perbincangan Penilaian Risiko untuk Pelan Tindakan UNIMAS 2025 bersama Datu Ik Pahon anak Jovik	28/1/2025



SOROTAN AKTIVITI



PENGURUSAN & PENTADBIRAN

Pengarah, Prof Gs Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Helen Tan Sui Hong & Ir Dr Marini Sawawi | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu & Puan Dayang Zuliana Abang Abd Rahman | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

